



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

NAMA KURSUS : LATIHAN DAN PEMBANGUNAN
KOD KURSUS : DSM2153
PEPERIKSAAN : JUN 2022
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (40 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
2. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
3. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
4. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
5. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU
Kertas soalan ini mengandungi 10 muka surat termasuk kulit hadapan

BAHAGIAN A

Bahagian ini mempunyai **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan di dalam Kertas Jawapan.

1. Anggota bomba diwajibkan untuk menghadiri latihan "*Disaster Drill*" bagi meningkatkan kepantasan dan kecekapan dalam proses menyelamatkan mangsa kemalangan. Apakah nama latihan yang telah dihadiri oleh anggota bomba berkenaan?
 - A Latihan prosedur.
 - B Latihan peringatan.
 - C Latihan perubahan sikap.
 - D Latihan pembangunan refleks.

2. Mengapakah majikan perlu menyediakan program latihan yang terkini serta bersesuaian dengan bidang pekerja?
 - A Menjamin pekerja yang kuat bekerja.
 - B Memenuhi syarat mengembangkan organisasi.
 - C Meningkatkan pekerja yang tidak terlatih dan mahir.
 - D Melengkapkan pekerja dengan pengetahuan dan kemahiran semasa.

3. Apakah yang membezakan teori tingkah laku dengan teori kemanusiaan?
 - A Teori tingkah laku melibatkan emosi, manakala teori kemanusiaan melibatkan rangsangan dan tindak balas.
 - B Teori tingkah laku dipelopori oleh Rogers dan Maslow, manakala teori kemanusiaan diasaskan oleh Pavlov dan Skinner.
 - C Teori tingkah laku menggalakkan peneguhan negatif, manakala teori kemanusiaan menggalakkan peneguhan positif.
 - D Teori tingkah laku memerlukan jurulatih yang mampu mendorong penglibatan pelatih secara sukarela, manakala teori kemanusiaan memerlukan jurulatih yang mampu menangani situasi konflik.

4. Yahya berhasrat untuk menjadi Ketua Jurutera Saliran bagi projek penebatan banjir. Bagi memenuhi kelayakan sebagai Ketua Jurutera, beliau perlu menyertai kursus kompetensi teknikal saliran selama tiga bulan untuk menambahkan pengetahuan serta kemahiran dalam pengurusan dan pembuatan saliran. Apakah teori pembelajaran yang merujuk kepada situasi Yahya?
- A Teori kognitif.
 - B Teori gestalt.
 - C Teori tingkah laku.
 - D Teori kemanusiaan.
5. Manakah antara yang berikut **bukan** peranan seorang jurulatih?
- A Penilai.
 - B Pemudah cara.
 - C Penyelaras latihan.
 - D Penulis bahan pengajaran.
6. Atiqah diminta untuk merancang satu program latihan penyelamat. Program tersebut telah disertai oleh tiga buah jabatan. Bagaimanakah cara Atiqah untuk memastikan bahawa program yang dirancang olehnya akan berjalan lancar tanpa berlaku sebarang gangguan?
- A Memilih jurulatih.
 - B Membina rancangan pengajaran.
 - C Merangka jadual program latihan.
 - D Memilih teknik dan kaedah latihan.

7. Pegawai Sumber Manusia mendapati kes kemalangan di tempat kerja semakin meningkat. Oleh itu, beliau mencadangkan satu program induksi keselamatan dianjurkan bagi memberi pendedahan tentang kepentingan keselamatan di tempat kerja. Cadangan penganjuran program induksi ini tercetus apabila pegawai tersebut melaksanakan

- A analisis data.
- B analisis kerja.
- C analisis individu.
- D analisis organisasi.

8. Apakah maksud analisis keperluan latihan?

- A Proses mengenal pasti kekurangan sumber tenaga kerja.
- B Proses mengenal pasti kemahiran yang diperlukan dalam kerja.
- C Proses mengenal pasti matlamat yang perlu dicapai oleh pekerja.
- D Proses mengenal pasti jurang antara prestasi semasa dengan prestasi yang ditetapkan organisasi.

9.

“Mengaplikasi empat gaya komunikasi diri sendiri dan orang lain serta teknik berkomunikasi dengan mereka”


Pernyataan 1

Sebagai seorang Pegawai Latihan, pernyataan di atas akan digunakan sebagai

- A tujuan latihan.
- B objektif latihan.
- C matlamat latihan.
- D penilaian latihan.

10. Manakah antara yang berikut merupakan contoh objektif bagi program pengurusan tekanan?
- A Peserta dapat memikirkan punca terjadinya tekanan.
 - B Peserta dapat memilih kaedah mengurangkan tekanan.
 - C Peserta dapat menghayati definisi pengurusan tekanan.
 - D Peserta dapat mengetahui siapa yang menghadapi tekanan.
11. Yusry telah mengambil alih sesi pembentangan dalam satu program latihan. Berapakah peratusan masa yang perlu diperuntukkan bagi aktiviti pembentangan tersebut?
- A 5%
 - B 10%
 - C 40%
 - D 50%

12.



Rajah 1

Berdasarkan rajah di atas, X mewakili

- A bahan pembelajaran.
- B aktiviti pembelajaran.
- C sukatan pembelajaran.
- D tempoh pembelajaran.

13. Halim di minta oleh pengurusnya untuk menerangkan serta melatih pekerja baru cara pemasangan komponen basikal. Walau bagaimanapun, Halim tidak mempunyai pengalaman menjadi jurulatih. Halim berpendapat teknik yang betul perlu digunakan untuk memastikan latihan tersebut berjaya dilaksanakan dengan berkesan. Bantu Halim memilih teknik latihan yang sesuai digunakan dalam latihannya.

- A Teknik vestibul.
- B Teknik kajian kes.
- C Teknik lakon peranan.
- D Teknik pertunjukan kaedah.

14. Susun langkah-langkah latihan arahan kerja dengan betul mengikut turutan.

R	-	Susulan
N	-	Menunjukkan operasi
F	-	Menyediakan pelatih
A	-	Mencuba

- A F, A, N, R
- B A, F, R, N
- C F, N, A, R
- D R, A, N, F

15. Encik Jais merupakan seorang penceramah dari Kementerian Asas Tani, Putrajaya. Beliau mendapat jemputan sebagai penceramah kursus motivasi di Johor Bahru anjuran Jabatan Pertanian Negeri Johor. Sebagai penganjur apakah tindakan yang perlu dilakukan bagi memastikan Encik Jais tidak menghadapi masalah untuk hadir ke tempat kursus?

- A Mengurus keperluan logistik.
- B Mengurus keperluan belanjawan.
- C Mengurus keperluan perjalanan latihan.
- D Mengurus keperluan persediaan latihan.

16. Amira bekerja sebagai Pembantu Sumber Manusia di Syarikat TJ. Setiap dua bulan majikan beliau akan menempatkan beliau di unit yang berlainan seperti Unit Perekrutan, Unit Latihan dan Unit Gaji. Apakah strategi yang digunakan oleh Syarikat TJ?
- A Pusingan kerja.
 - B Latihan dan pembangunan.
 - C Perancangan sumber manusia.
 - D Bengkel pembangunan kerjaya.
17. Pernyataan yang manakah **tidak** menggambarkan kesan pemindahan latihan?
- A Pelatih tidak tahu cara untuk mengenal pasti kebocoran penyaman udara.
 - B Pelatih memperbaiki penyaman udara dengan mengikuti arahan melalui internet.
 - C Pelatih menggunakan teknik baru untuk mengenal pasti kebocoran penyaman udara.
 - D Pelatih mengaplikasi cara mengenal pasti kebocoran penyaman udara mengikut pengalamannya.
18. Norman telah menghadiri Kursus Lesen Memandu Forklift yang diadakan pada bulan Februari. Sebulan kemudian pemerhatian telah dilakukan oleh penyelia di tempat kerja untuk melihat perubahan Norman dalam melaksanakan kerja. Penyelia mendapati Norman mampu mengendalikan forklift dengan baik kerana beliau dapat memindahkan barang ke gudang tanpa berlakunya kemalangan. Situasi Norman ini menunjukkan telah berlakunya
- A kesan pemindahan positif.
 - B kesan pemindahan prinsip.
 - C kesan pemindahan negatif.
 - D kesan pemindahan neutral.

19. Penilaian latihan merujuk kepada
- A proses mengenal pasti objektif program latihan.
 - B proses mengenal pasti kekuatan dan kelemahan program latihan.
 - C proses mengumpul maklumat belanjawan yang dikeluarkan untuk program latihan.
 - D proses mengedarkan borang penilaian sebelum dan selepas program latihan.

20.

Situasi 1 :	Jurulatih meminta Ahmad menyenaraikan tiga peralatan untuk menukar tayar kereta.
Situasi 2 :	Ahmad berjaya menukar tayar kereta pelanggan dengan sempurna di bengkel.

Jadual 1

Berdasarkan model Kirkpatrick, apakah yang membezakan situasi 1 dan situasi 2?

- A Situasi 1 merupakan tahap 1, manakala situasi 2 merupakan tahap 2.
- B Situasi 1 menentukan minat pelatih untuk belajar, manakala situasi 2 menilai objektif latihan.
- C Situasi 1 mengenal pasti reaksi pelatih terhadap latihan, manakala situasi 2 menilai reaksi jurulatih.
- D Situasi 1 untuk menilai reaksi pada peringkat awal latihan, manakala situasi 2 untuk melihat keberkesanan pemindahan latihan melalui perubahan tingkah laku.

[40 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

- a. Anda telah diberi tanggungjawab untuk mereka bentuk satu program latihan bagi jawatan Pembantu Sumber Manusia. Jelaskan analisis yang sesuai digunakan bagi mengenal pasti keperluan latihan.

(10 markah)

- b. Maklumat di bawah ialah berkaitan Program Latihan Microsoft Teams kepada Pensyarah.

Pernyataan 1	Peserta mahir menggunakan aplikasi Microsoft Teams dalam tempoh satu bulan.
Pernyataan 2	Peserta boleh menjelaskan fungsi setiap icon dalam aplikasi Microsoft Teams.

Jadual 2

Berdasarkan jadual di atas, tentukan kategori bagi pernyataan 1 dan 2.

(10 markah)

SOALAN 2

- a. Syarikat KYJ akan mengadakan Kursus Komunikasi yang Berkesan kepada pekerja-pekerja di Bahagian Jualan. Kursus ini akan diadakan pada bulan Julai 2022. Sebagai Pembantu Latihan dan Pembangunan, anda dikehendaki menyediakan pelan pengajaran bagi kursus berkenaan.

(14 markah)

- b. Mengapakah kajian kes merupakan satu kaedah yang berkesan digunakan dalam program latihan?

(6 markah)

SOALAN 3

- a. Encik Naquib bekerja sebagai Pengurus Operasi di sebuah kilang kerepek. Sebelum ini, penghasilan kerepek pisang dilakukan secara manual. Pihak organisasi bercadang menukar proses kerja manual kepada penggunaan mesin dari bahagian pemotongan sehingga pembungkusan. Bagaimanakah Encik Naquib dapat memastikan pekerja dapat mengikuti perubahan proses kerja ini dengan berjaya?

(12 markah)

b.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">▪ Pelaksanaan penilaian secara formatif▪ Proses penglibatan pelatih dalam sesi pembelajaran▪ Mengesan penguasaan dan kemajuan pelatih |
|---|

Pernyataan 2

Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah pendekatan Kirkpatrick diaplikasikan dalam penilaian sesuatu program latihan?

(8 markah)

[60 MARKAH]**-KERTAS SOALAN TAMAT-**